

Perhimpunan Agung PBB

# PM kritik kuasa besar ketepikan peranan PBB

Negara dunia patut terus pertahan kepentingan kelompok pelbagai hala

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

di New York



Datuk Seri Anwar Ibrahim mengkritik kuasa besar dunia yang dilihat lebih mengejar cita-cita mendapatkan status antarabangsa lebih tinggi sehingga menyetepikan fungsi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Memulakan ucapan dalam bahasa Melayu, Perdana Menteri menegaskan kuasa-kuasa besar itu seharusnya berusaha untuk terus menyatakan kepentingan kelompok pelbagai hala.

“Assalamualaikum wbt dan Salam Malaysia Madani. Izinkan saya, bagi pihak negara dan rakyat Malaysia mengemukakan pandangan ke arah keamanan dan kesejahteraan sempena Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di sini, semalam.

“Hari ini (semalam), kita dapati kebanyakan kuasa besar dan mereka yang mengejar status antarabangsa yang lebih hebat inula tidak mengendahkan fungsi PBB demi platform yang lebih kecil, kononnya cara itu lebih berkesan.

“Kuasa-kuasa besar ini seharusnya terus mempertahankan 'kepentingan hubungan pelbagai hala (multilateralism), sebaliknya apa yang berlaku ketika ini, kita dapati munculnya kelompok kecil negara (minilateralism) yang menyebabkan berlakunya perpecahan dalam percaturan kuasa,” katanya dalam Kenyataan Negara pada UNGA ke-78 itu.

Anwar berkata, PBB diasaskan dengan visi memberi hak sama rata kepada negara berdaulat, mewujudkan dunia yang lebih demokratik berdasarkan semangat kesaksamaan dan keadilan.

“Visi itu bertujuan menyekat yang lemah menjadi mangsa kepada yang kuat, yang kaya me-



Anwar Ibrahim menyampaikan ucapan pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) ke-78 di New York, semalam. (Foto BERNAMA)

nindas yang miskin dan yang terpinggir, kuasa besar ke atas semua yang lain. Visi mereka (pengasas PBB) pada pendapat saya sudah musnah,” katanya.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa pembaharuan drastik, sistemik serta penjajaran semula keseluruhan institusi global adalah penting dalam menangani jurang luas di antara pertumbuhan ekonomi dengan pendapatan yang mengakibatkan perbezaan berterusan.

Beliau berkata sekiranya perkara itu tidak ditangani, dunia akan terus mengalami ketidak-samaan yang semakin ketara sekali gus membezakan negara dan rakyat.

“Ekonomi global juga diunjurkan terus dibelenggu ketidak-tentuan geopolitik, gangguan rantaian bekalan, kenaikan harga komoditi serta keadaan kewangan yang mencabar,” katanya.

Apabila pertumbuhan pendapatan gagal menyamai pertumbuhan ekonomi, akibatnya isi rumah menjadi terbeban dengan hutang.

“Kita kini mempunyai kalangan yang sangat kaya hidup di sisi golongan yang sangat miskin. Perbezaannya terletak jelas pada perkara yang penting: pendapatan yang mencukupi untuk menampung keperluan asas, tempat tinggal, akses kepada pendidikan berkualiti dan penjagaan kesihatan.

“Laporan Matlamat Pembangunan Mampan 2023 mengesahkan bahawa kita ketinggalan, dengan hampir satu pertiga daripada sasaran sama ada dalam keadaan inersia atau lebih buruk, mundur kembali,” tegasnya.

## Kongsi usaha Malaysia

Anwar yang juga Menteri Kewangan turut berkongsi usaha Malaysia dalam menangani krisis iklim bagi mencapai Agenda 2030, pelan hala tuju negara berdasarkan kerangka Malaysia MADANI serta beberapa isu global lain.

“Awal tahun ini, saya memper-

kenalkan Malaysia MADANI - visi berasaskan tonggak nilai teras yang kami percaya amat diperlukan dalam mana-mana masyarakat yang berkembang maju dan aman harmoni - Ihsan, Hormat, Keyakinan, Daya Cipta, Kesejahteraan, Kemampanan.

“Prinsip asas dan nilai moral ini juga terpakai dalam konteks hubungan kami dengan negara-negara lain,” katanya.

Ini adalah penampilan pertama beliau sebagai Perdana Menteri pada perhimpunan tahunan itu.

Tema Perbahasan Umum tahun ini ialah *Rebuilding trust and reigniting global solidarity: Accelerating action on the 2030 Agenda and its Sustainable Development Goals towards peace, prosperity, progress and sustainability for all* (Membina kembali kepercayaan dan menyemarakkan semula perpaduan global: Mempercepat tindakan Agenda 2030 dan Matlamat Pembangunan Mampannya ke arah keamanan, kemakmuran, kemajuan dan kemampanan untuk semua).

Semasa lawatan rasmi untuk menyertai pemimpin dunia yang lain pada perhimpunan agung itu, Anwar diiringi isteri, Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail; Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir; Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasion Ismail; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa; serta beberapa Ahli Parlimen dan pegawai kerajaan.

Perdana Menteri turut menggesa negara maju menunaikan komitmen mereka untuk menyediakan AS\$100 bilion setahun bagi menyokong negara membangun terhadap usaha aspirasi iklim sambil menyedari sejumlah trilion dolar setahun akan diperlukan pada masa hadapan.

Beliau berkata saintis telah mengesahkan dunia baru sahaja mengalami musim panas yang terpanas dalam sejarah. Kami baru sahaja mendengar Setiausaha

Agung secara serius mengisytiharkan 'kerosakan iklim telah bermula'.

Malah, Malaysia sedang menyaksikan peningkatan dalam kesan buruk perubahan iklim, dengan peningkatan suhu, peningkatan paras laut, monsun yang bertambah buruk dan corak cuaca yang tidak menentu menggugat kehidupan dan mendegradasikan ekosistem tempatan. Justeru, kami tidak mahu membuang masa,” katanya.

## Provokasi cetus kebencian

Anwar berkata Malaysia memainkan peranannya dengan membangunkan pelan hala tuju rendah karbon dan tenaga boleh diperbaharui bagi melaksanakan strategi penyesuaian dan mitigasi.

“Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara yang baru dilancarkan seharusnya membantu kami dalam mencapai NDC (Sumbangan Nasional yang Ditentukan) kami, selain daripada memandu kami ke arah aspirasi sifar bersih kami,” katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh perbuatan membakar al-Quran, yang berlaku di beberapa negara sebagai tindakan Islamofobia yang jelas bertujuan untuk mencetuskan kebencian.

Beliau berkata, tindakan tidak mengendahkan provokasi terang-terangan terhadap sesuatu agama adalah tidak bertanggungjawab dan menghantar mesej berbahaya kepada kemanusiaan.

Malaysia bimbang dengan kemunculan 'bentuk perkauman baharu' yang dicirikan oleh xenofobia, pemprofilan negatif dan stereotaip umat Islam.

“Ini dimanifestasikan dalam trend kebencian yang membimbangkan, sikap tidak bertoleransi, dan tindakan keganasan terhadap umat Islam dan kesucian mereka,” kata beliau.

Malaysia, katanya terkejut dengan pengesahan perbuatan ini di bawah pembelaan hak asasi manusia yang lemah.